

15 JAN 1998

Mahathir-Jakarta

DR MAHATHIR AKAN MENEMUI SUHARTO DI JAKARTA

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan yang beliau akan ke Jakarta untuk mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto.

"Saya pergi untuk melihat dan berbincang dengan beliau kerana kita negara berjiran," kata beliau dalam persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara di sini, hari ini.

Bagaimanapun, beliau belum lagi memutuskan tarikh pertemuan itu.

"Tetapi saya mahu membuat lawatan (ke Indonesia)," kata Dr Mahathir apabila diminta mengesahkan laporan dari Jakarta yang memetik Menteri Sekretariat Indonesia, Moerdiono sebagai berkata beliau akan melakukan lawatan ke negara itu.

Presiden Indonesia itu telah menghubungi beberapa negara sejak seminggu lepas memandangkan masalah yang dihadapi oleh Jakarta ekoran krisis kewangan dan ekonomi di Asia.

Suharto dan Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus menandatangani satu memorandum di Jakarta hari ini untuk mempercepatkan pembaharuan bagi menangani krisis ekonomi di Indonesia.

Memorandum itu memperkenalkan langkah-langkah baru yang perlu diambil oleh Indonesia di bawah pakej AS\$43 bilion seperti yang dipersetujui dengan IMF Oktober lepas untuk menyelamatkan ekonomi negara itu. -- BERNAMA

ES PR